

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Thursday, 4 May, 2017 12:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DI SEBALIK SENYUMAN WARGA KERJA PEJABAT SUK KEDAH



04 MEI 2017 / 07 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DI SEBALIK SENYUMAN WARGA KERJA PEJABAT SUK KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pejabat SUK Kedah) adalah sebuah organisasi yang dipertanggungjawab untuk menguruskan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

Selain komited dalam merealisasikan visi dan misi kerajaan dan juga memberi fokus menyediakan sumber manusia sektor awam kerajaan negeri yang berprestasi tinggi, berintegriti dan mempunyai pengetahuan yang luas bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, warga kerja yang terlatih dan profesional turut diutamakan.

Dalam pada itu, bagi mencapai matlamat tersebut, warga kerja pejabat SUK Kedah seramai 26 orang bergerak secara aktif mengatur langkah ke UUM. Bahkan mereka terpanggil untuk Discover UUM bagi melihat sendiri landskap kampus UUM yang menjadi bahan bualan masyarakat.

Menurut Penolong Pegawai Tadbir yang mengetuai delegasi Pejabat SUK Kedah, Syarafina Farizah Abd Razak. "lawatan ini berkisar tentang landskap UUM".

Sementara itu, terdahulu delegasi disambut mesra sambil bergambar kenangan. Seterusnya maklumat awal mengenai UUM serta Welcome Centre yang pernah menjadi johan landskap daerah Kubang Pasu turut disampaikan.

“Penerangan yang sangat jelas untuk tetamu telah disampaikan oleh Welcome Centre”, ujar Syarafina.

Malah, penghasilan dan perkongsian idea-idea baru turut dititikberatkan tatkala mata memandang landskap di persekitaran Bulatan Masa dan Welcome Centre.

Delegasi yang memberi tumpuan tentang universiti di rimba hijau ini yakin dengan pembaharuan dan peningkatan dalam pentadbiran yang sedang, telah serta akan dilaksanakan akan dapat membantu Discover Kedah di samping Discover UUM bagi mencapai matlamat dengan lebih berkesan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.